

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji dan merangka strategi berkesan bagi membantu secara komprehensif syarikat-syarikat pembangunan harta tanah Bumiputera dalam membangunkan tanah-tanah rezab Melayu di bandar dan pinggir bandar dengan projek perumahan dan projek komersial kerana ketika ini terlalu sukar untuk syarikat-syarikat pembangunan harta tanah Bumiputera membangunkan tanah rezab Melayu berikutan beberapa kekangan polisi dalam industri dan juga sektor sokongan berkaitan, khususnya sektor kewangan yang kurang proaktif.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk membolehkan tanah-tanah rezab Melayu dibangunkan. Ini termasuk:

1. meminda jadual Enakmen Rizab Melayu di peringkat negeri untuk membolehkan tanah rezab Melayu dicagarkan kepada pelbagai institusi perbankan untuk tujuan pembiayaan;
2. menyediakan dana mudahcara di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)/Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) untuk pembangunan harta tanah oleh syarikat Bumiputera di atas tanah rezab Melayu;
3. mewujudkan Pelaburan Hartanah Bumiputera (PHB) bagi meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam harta tanah komersil di lokasi utama; dan
4. menggalakkan/memudahcara kerjasama antara PHB, KPJ Healthcare Bhd dan Nadayu Properties Bhd dalam pembangunan hospital swasta di atas tanah rezab Melayu.

Selain itu, Kerajaan bersedia mengkaji dan merangka strategi khusus yang lain bagi membantu syarikat-syarikat pembangunan harta tanah Bumiputera untuk membangunkan tanah-tanah rezab Melayu. Bagi tujuan ini, pihak industri diminta mengemukakan permohonan kepada Kerajaan dengan menyertakan justifikasi dan asas yang kukuh.

Sekian, terima kasih